

TARIKH: 25/7/23
SURAT KHABAR: Sinar Harian
MUKA SURAT: 23

162 majikan gagal daftar perusahaan, pekerja dikompaun lebih RM153,000

KUANTAN - Seramai 162 majikan dikesan gagal mendaftarkan perusahaan serta pekerja mereka dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) hasil pemeriksaan ke atas 567 premis dalam Ops Kesan di negeri ini, bermula 2 Julai lalu sehingga Isnin.

Pengarah Perkeso Pahang, Hisham Abdul Rahman berkata, nilai keseluruhan kompaun dikeluarkan kepada majikan terlibat melebihi RM153,000.

Menurutnya, hasil pemeriksaan mendapati kesalahan yang dilakukan adalah gagal mematuhi Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan Akta Sistem Insurans Pekerja 2017.

"Antara alasan diberikan majikan antaranya sibuk, tiada masa dan kurang maklumat.

"Alasan itu tidak boleh diterima kerana notis peringatan telah dihantar pada Ops Bulan Pemutihan yang dijalankan sepanjang Mei hingga Jun lalu," katanya ketika ditemui selepas Pelancaran Ops Kesan Kebangsaan Peringkat Perkeso



Pegawai Perkeso, KWSP dan SSM memeriksa sebuah kedai makan ketika operasi sempena Pelancaran Ops Kesan Kebangsaan Peringkat Perkeso Negeri Pahang pada Isnin.

Negeri Pahang pada Isnin.

Beliau berkata, sempena pelancaran Ops Kesan Kebangsaan Peringkat Perkeso Negeri Pahang yang dilaksanakan secara bersepadu bersama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), sebanyak 11 lokasi sekitar Kuantan diperiksa.

Menurutnya, sejumlah 108

premis diperiksa dengan 33 majikan dikompaun dengan nilai RM29,500.

"Operasi ini akan diteruskan bagi memastikan majikan ingkar tidak terlepas daripada tindakan," katanya.

Menurutnya, operasi itu dilaksanakan untuk menyedarkan majikan supaya mendaftarkan perusahaan dan pekerja mereka dengan Perkeso.

an atau melaporkan masalah dihadapi boleh berbuat demikian i WhatsApp menerusi nombor telefon **019-2650823**
.com.my selain hubungi talian **03-51017469**

**10 pagi hingga 8 malam
setiap hari**

Sinar Harian (Selasa)
25/7/23
Negeri ms 23.